

# Indeks kadar jenayah pelajar menurun

➔ PDRM bantu tarik minat pelajar ke sekolah menerusi kempen

Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak

meor.ahmad@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

**K**erjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan sekolah mampu mengurangkan indeks kadar jenayah membabitkan pelajar.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, berkata asas pendidikan adalah untuk melahirkan insan yang berfungsi dalam komuniti dan masyarakat.

Beliau berkata, sekolah sewajarnya menjadi tempat yang paling selamat dan menyeronokkan.



Encik Ismail Musa



**Encik Ismail Musa** (dua dari kanan) dan Datuk Zainuddin (tiga dari kiri) beramah mesra dengan pelajar sekolah pada Majlis Permuafakatan KPM dan PDRM Jom Ke Sekolah.

“Bagi merealisasikan hasrat ini, Kementerian Pendidikan (KPM) memberikan penekanan khusus kepada hala tuju mengembalikan cinta ke dalam pendidikan dengan memberi tumpuan kepada tiga nilai dan budaya

teras iaitu cinta, kegemilangan dan saling menghor-mati.

#### Cintai negara

“Saya yakin sistem pendidikan berteraskan nilai ini mampu untuk melahir-

kan insan yang mencintai satu sama lain, mencintai masyarakat dan akhirnya mencintai negara,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Permuafakatan KPM dan PDRM: Program Jom Ke Sekolah Peringkat

Kebangsaan Tahun 2019, di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Seri Rampai, di sini, baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL), Encik Ismail Musa.

Yang turut hadir ialah Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Zainuddin Yaacob; Timbalan Pengarah Pendidikan, Pejabat Pendidikan Wilayah Keramat, Puan Asiah Husin; Ketua Penolong Pengarah (KPP) Hal Ehwal Murid (HEM), Puan Sharifah Fathia Syed Abdullah dan Pengetua SMK Taman Sri Rampai, Puan Badariah Bakar.

Program Jom ke Sekolah adalah sebahagian daripada usaha KPM dengan kerjasama PDRM untuk meningkatkan kecemerlangan dan kemenjadian pelajar dalam membentuk sahsiah pelajar yang terpuji.

#### Penurunan kes

Mengulas lanjut, beliau difahamkan, Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun mengumumkan terdapat penurunan sebanyak 437 kes jenayah dalam kalangan pelajar pada tahun 2018 berbanding tahun 2017, baru-baru ini.

Beliau juga berharap Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) dapat mengadakan kunjungan ke sekolah sekurang-kurangnya sebulan sekali supaya dapat memberi nasihat dan panduan kepada pelajar ketika perhimpunan di sekolah.

“PPS juga boleh menjadi sumber rujukan pihak sekolah berkaitan undang-undang dan salah laku disiplin,” katanya.